

19/10/2000

JPJ: Ling nafi tidak serius tangani rasuah

IPOH, Rabu - Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menafikan dakwaan pihak tertentu yang mengatakan kerajaan tidak serius dalam menangani rasuah di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) apabila melanjutkan lagi tempoh penyerahan `lesen terbang' sehingga 17 November ini.

Beliau berkata, dakwaan itu tidak berasas sama sekali kerana kerajaan berpendapat melalui kelonggaran itu, ia mampu menggalakkan lebih ramai pemilik `lesen terbang' tampil kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR).

"Dulu orang tidak mahu menyerahkan lesen terbang mereka kerana takut ditahan, jadi dengan cara ini (melanjutkan tempoh) mereka lebih mudah ... Boleh cari makan, itulah alasan kita beri kelonggaran.

"Bukan kita tidak serius tangani rasuah dalam agensi berkenaan. Kita serius, sebab itu kita beri lanjutan terakhir ... selepas ini tidak ada lagi.

"Kita buat ini untuk memudahkan orang ramai," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian penubuhan Jawatankuasa Bersama JPJ Perak dan BPR Perak, di sini, hari ini.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Pengarah JPJ Perak, Datuk Jamalludin Al-Amini Ahmad, manakala BPR negeri diwakili Pengarahnya, Abu Kassim Mohamed.

Hadir sama, Ketua Pengarah JPJ, Datuk Dr Mohd Shahar Sidek dan Pengarah Siasatan BPR, Abdul Razak Idris.

Dr Ling berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan pihak tertentu bahawa tindakan kerajaan melanjutkan tempoh menyerahkan lesen terbang kepada BPR sehingga 17 November ini membuktikan ketidaktegasan kerajaan dalam menangani rasuah, khususnya membabitkan kakitangan JPJ.

Ini adalah kali kedua kerajaan melanjutkan tempoh berkenaan selepas tempoh awal pada 26 September dilanjutkan sehingga 15 Oktober lalu.

Akhbar hari ini melaporkan mereka yang menyerahkan lesen mereka kepada BPR dalam tempoh itu hanya diambil kenyataan ringkas dan lesen itu diberikan semula kepada pemiliknya.

Mereka bagaimanapun perlu melaporkannya kepada JPJ dalam tempoh dua minggu untuk menduduki ujian memandu.

Dr Ling berkata, sebelum ini orang ramai enggan menyerahkan `lesen terbang' kerana takut ditahan dan lesen dirampas menyebabkan kehidupan harian, termasuk `periuk nasi' mereka terjejas.

Menurutnya, kebimbangan orang ramai itu terbukti apabila tidak sampai 3,000 orang menyerahkan lesen mereka, berbanding 100,000 pemilik `lesen terbang' yang dikesan.

Beliau juga menegaskan, keputusan kementeriannya melanjutkan tempoh penyerahan lesen terbang itu mendapat sokongan padu daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ketika berjumpa Perdana Menteri Isnin lalu, saya ada memberitahunya mengenai cadangan melanjutkan tempoh berkenaan apabila mendapati tidak ramai yang tampil kerana takut dikenakan tindakan.

"Perdana Menteri menyokong kelonggaran itu kerana akan menggalakkan lebih ramai tampil, sekali gus memudahkan siasatan untuk membanteras gejala rasuah di JPJ," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya beliau berkata, pembongkaran rasuah `lesen terbang' mencatat sejarah hitam bagi kakitangan JPJ, walaupun bilangan mereka yang terbabit hanya segelintir.

"Oleh itu, kakitangan JPJ perlu bekerjasama membersihkan semula imej

jabatan daripada rasuah," katanya.
(END)